

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM College of Arts and Sciences
Sent: Sunday, 8 May, 2011 12:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Suhaidi B Hassan; Mohd Zamri B Ahmad
Subject: Belasungkawa Allahyarham Prof Madya Dr Haji Syd Abdul Rahman Bin Haji Syd Zin



UUM CAS
Universiti Utara Malaysia • College of Arts and Sciences

8 MEI 2011 / 4 JAMADILAKHIR 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

Belasungkawa



PROF MADYA DR. HJ. SYD ABDUL RAHMAN BIN HJ. SYD ZIN
6 Jan 1963 - 2 Mei 2011

Sememangnya Tuhan lebih menyayangi Allahyarham. Dalam keadaan kesibukkan menguruskan hal pemantapan pengukuhan struktur kolej sedia ada dan jangkaan berpindah ke bangunan baru tidak lama lagi, Program Komunikasi dan Bahasa Moden UUM CAS dan UUM umumnya kehilangan insan yang memegang jawatan Pengerusi Program Sarjana Muda Komunikasi. Kami dari UUM CAS mengucapkan salam takziah kepada ahli keluarga Allahyarham Prof Madya Dr Haji Syd Abdul Rahman bin Haji Syd Zin.

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kelompok orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Allahyarham yang disahkan meninggal dunia pada jam 3.00 pagi 2 Mei 2011 akibat strok di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Pensyarah Komunikasi di UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS) meninggal dunia pada umur 48 tahun meninggalkan seorang isteri dan 4 orang anak berumur antara 22 tahun dan 8 tahun.

Menurut Penolong Naib Canselor UUM CAS Prof Madya Dr Suhaidi Hassan, beliau merupakan kakitangan yang berdedikasi dan penuh komitmen dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada beliau. Sesuatu yang jarang dilakukan oleh orang lain ialah beliau berpuasa pada hari Isnin dan Khamis, sesungguhnya beliau meninggal dunia dalam keadaan berpuasa. Orang yang meninggal ketika berpuasa adalah Syahid. Pada hari Khamis (28 April 2011) waktu sedang bertugas di pejabat, beliau pengsan dan dibawa ke Hospital Daerah Jitra sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar kira-kira jam 7.00 petang pada hari yang sama.

Sebelum itu, lebih kurang jam 9.00 pagi beliau dan beberapa pegawai lain di UUM CAS telah melawat bangunan baru kerana mereka dijangka akan berpindah pada 1 Julai 2011 nanti. Semasa lawatan, arwah masih bermesra dengan rakan-rakan dan menyebut bahawa "kami tak pindah pun tak pa dah... kekal duduk di sana". Kemudian pulang ke pejabat masih berbual dan bermesra dengan rakan-rakan

di pejabat pentadbiran dan kewangan sebelum terus ke pejabat beliau di bangunan Komunikasi dan Bahasa Moden.

Terdapat staf wanita yang secara kebetulan pulang lewat kerana menghabiskan tugas mereka walaupun hari Khamis 28 April 2011 sepatutnya pulang jam 3.30 petang. Syarifah Adawiyah Syed Yahya (Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi) menyedari beliau masih berada dalam pejabat dengan tidur mengiring dihadapan sofa. Syarifah turut memanggil rakan pensyarah yang lain semuanya perempuan untuk mengejutkan arwah, namun mendapati beliau tidak sedarkan diri dan mereka terus menghubungi rakan lelaki yang ada di sekitar dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk bantuan kecemasan.

Kali terakhir beliau berbual dengan staf di pejabat adalah pada lebih kurang jam 2.00 petang sebelum memaklumkan bahawa beliau memohon diri untuk bersolat zohor di dalam biliknya.



Gambar 28 April 2011 (9.45 pagi), Allahyarham Prof Madya Dr Syd Abdul Rahman Syd Zin kelihatan duduk semasa lawatan dan tinjauan pejabat baru bersama Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim dan En Mohd Zamri Ahmad serta beberapa pegawai UUM CAS.

Allahyarham Prof Madya Dr Syd Abdul Rahman Syd Zin dilahirkan pada 6 Januari 1963 di Melaka. Berkahwin dengan Wan Zainon Binti Ton Haron mendapat 4 orang cahaya mata terdiri dari 3 lelaki

dan seorang perempuan iaitu Syed Mohammad Adam (22), Syarifah Siti Maryam (21), Syed Mohammad Ayyub (14) dan Syed Muhammad Ali (8). Ibunya meninggal dunia pada 12 Disember 2007 dan diikuti bapanya kemudian pada 27 April 2008.

Mula berkhidmat di UUM sebagai Guru Bahasa pada 15 Mac 1987 dengan memiliki nombor staf 342 kemudian ditawarkan jawatan Tutor atau *Fellowship* di bawah Skim Latihan Tenaga Akademik (SLAB) dengan pembiayaan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan UUM pada 1 Disember 1990. Beliau melanjutkan pengajian diperingkat Sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Komunikasi Pembangunan. Setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana beliau dilantik menjadi pensyarah pada 8 Disember 1994 kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) pada 26 Oktober 1998 di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dalam bidang Komunikasi dan berjaya menamatkan pengajian pada 27 April 2002. Beliau telah dinaikkan pangkat ke Pensyarah Kanan pada 27 Mac 2006 dan Profesor Madya pada 12 Januari 2011.

Beliau telah membuktikan bahawa hatinya tetap setia pada UUM dengan menolak beberapa tawaran jawatan yang lebih baik dari universiti tempatan yang lain. Sesungguhnya kita telah kehilangan seorang tenaga akademik yang berwibawa dan berkesungguhan dalam mendidik anak bangsa. Hasil kesungguhan ini beliau dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2007 dengan hadiah wang tunai sebanyak RM 1000.00 dan sijil.

Sepanjang perkhidmatan di UUM beliau pernah menjadi Felo di Kolej Proton selama 2 tahun mulai 15 Jun 1993 dan dilantik sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Pembangunan Pelajar di Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden mulai 1 Januari 2007. Beliau juga sering dijemput sebagai penceramah dalam bidang komunikasi dan motivasi kepada kakitangan kerajaan dan swasta serta pelajar sekolah.

Al-Fatihah buat Allahyarham Prof Madya Dr Haji Syd Abdul Rahman Bin Haji Syd Zin. Mudah-mudahan rohny dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T dan ditempatkan bersama-sama orang yang beriman dan beramal soleh. Amin.



**UUM College of Arts and Sciences,
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
MALAYSIA
Phone : +60 (4) 928 6797
Fax : + 60 (4) 928 5751**

Email : cas@uum.edu.my

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.